

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

### Kempen CIMB Pulangan Tunai Sehingga 50% untuk Tiket Penerbangan

1. Kempen CIMB Pulangan Tunai Sehingga 50% untuk Tiket Penerbangan ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic Bank**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank dirujuk secara kolektif sebagai "**CIMB**".

#### Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 1 April 2026 hingga 30 September 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**") berdasarkan dua (2) kitaran Suku Kempen seperti berikut.

Suku Kempen	Tempoh
1	1 April 2026 sehingga 30 Jun 2026
2	1 Julai 2026 sehingga 30 September 2026

3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

#### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit utama CIMB Preferred Visa Infinite/-i, Travel World Elite dan Travel World ("**Peserta Yang Layak**"). Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite/-i, Travel World Elite dan Travel World untuk Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai "**Kad Kredit Yang Layak**".
5. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta yang Layak untuk memastikan nombor mudah alih milik mereka ("**Maklumat Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat perubahan yang dilakukan oleh mereka. CIMB berhak membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Maklumat Perhubungan milik Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.

#### Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

6. Untuk mendapatkan Pulangan Tunai sehingga 50% ("**Pulangan Tunai**"), Peserta Yang Layak mesti memenuhi "**Syarat Kempen**" menggunakan Kad Kredit Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.0 berikut untuk mendapatkan Pulangan Tunai:

Peringat	Kriteria Kelayakan 1 ("Transaksi Penerbangan Layak")	Kriteria Kelayakan 2 (Baki CASA / Perbelanjaan Asing)	Pulangan Tunai (Memenuhi Kriteria Kelayakan 1 & Kriteria Kelayakan 2)
1	Sebarang transaksi yang dibuat pada ' <b>Syarikat Penerbangan Layak</b> ' dengan minimum RM1,000 setiap transaksi	<p>Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM250,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen</p> <p>ATAU</p> <p><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM60,000</b> untuk '<b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b>' setiap Suku Kempen</p>	<b>Pulangan Tunai 50%</b> bagi ' <b>Transaksi Penerbangan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Kempen, dengan had maksimum <b>RM2,000</b> setiap Suku Kempen
2		<p>Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM150,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen</p> <p>ATAU</p> <p><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM40,000</b> untuk '<b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b>' setiap Suku Kempen</p>	<b>Pulangan Tunai 40%</b> bagi ' <b>Transaksi Penerbangan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Kempen, dengan had maksimum <b>RM1,000</b> setiap Suku Kempen
3		<p>Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM100,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen</p> <p>ATAU</p> <p><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM20,000</b> untuk '<b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b>' setiap Suku Kempen</p>	<b>Pulangan Tunai 30%</b> bagi ' <b>Transaksi Perbelanjaan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Kempen, dengan had maksimum <b>RM500</b> setiap Suku Kempen
4		Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak	<b>Pulangan Tunai 20%</b> bagi ' <b>Transaksi Perbelanjaan</b>

		<p><b>RM50,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen</p> <p>ATAU</p> <p><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM10,000</b> untuk 'Transaksi Perbelanjaan Asing Layak' setiap Suku Kempen</p>	<p><b>Layak'</b> tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Kempen, dengan had maksimum <b>RM250</b> setiap Suku Kempen</p>
--	--	--	---

Jadual 1.0: Syarat Kempen

<sup>1</sup>Baki Purata Suku' ditakrifkan dalam Klausa 6 (ii) di bawah

- i) '**Transaksi Penerbangan Layak'** merujuk kepada transaksi yang dibuat secara langsung dengan **Syarikat Penerbangan Layak** berikut yang dibil di bawah Kod Kategori Pedagang tertentu yang diluluskan oleh CIMB serta dibil pada Kad Kredit yang Layak sepanjang Tempoh Kempen dan Suku Kempen yang berkenaan;

<b>Transaksi Syarikat Penerbangan Layak</b>	<b>Kod Kategori Pedagang</b>
Sebarang transaksi pada Syarikat Penerbangan di bawah Kod Kategori Pedagang yang disenaraikan	3000 to 3303, 3308 & 4511

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang transaksi penerbangan yang dibuat melalui Agensi Pelancongan dan/atau Agensi Pelancongan Dalam Talian dan/atau mana-mana pengumpul/platform tempahan yang tidak dilakukan secara langsung dengan Syarikat Penerbangan yang disenaraikan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Penerbangan Layak dan tidak layak untuk Pulangan Tunai.

- ii) "**Baki Purata Suku**" ("**QAB**") merujuk kepada jumlah baki harian pada akhir hari bagi CASA/-i Layak sepanjang Suku Kempen yang dibahagikan dengan bilangan hari dalam Suku Kempen berkenaan;
- iii) '**Transaksi Perbelanjaan Asing Layak'** merujuk kepada transaksi mata wang asing di mana transaksi tersebut adalah dalam mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia (RM). Transaksi Perbelanjaan Asing Layak akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan penjejakan dan pengiraan Pulangan Tunai Bulanan, berdasarkan kadar tukaran semasa CIMB. Jika jumlah pembelian bagi Transaksi Mata Wang Asing ditukar kepada Ringgit Malaysia di titik jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), transaksi tersebut akan dikategorikan sebagai Transaksi Tempatan. Untuk penjelasan, satu transaksi hanya akan dianggap sebagai Transaksi Mata Wang Asing jika kod mata wang transaksi tersebut adalah dalam mana-mana mata wang asing selain Ringgit Malaysia (RM).

7. Tertakluk kepada Klausa 13 terma dan syarat ini, bagi layak menerima Pulangan Tunai, Peserta Layak mesti membuat "**Transaksi Penerbangan Layak**" menggunakan Kad Kredit yang Layak pada **Syarikat**

**Penerbangan Layak (“Kriteria Kelayakan 1”)** dan memenuhi Kriteria Kelayakan 2 berkenaan seperti yang diperincikan dalam Klausa 6 di atas.

8. Ilustrasi senario Peserta Layak yang membuat Transaksi Penerbangan Layak, memenuhi kriteria kelayakan dan memperoleh Pulangan Tunai seperti berikut:

**Peserta Layak A**

Suku Kempten	<i>Kriteria Kelayakan 1</i>	<i>Kriteria Kelayakan 2</i>		Pulangan Tunai	Catatan
	Transaksi Penerbangan Layak	Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i	Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul Suku Tahunan		
1	RM1,200 (Cathay Pacific)	RM80,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2-Peringkat 4)	RM1,000	20% Pulangan Tunai pada transaksi Cathay Pacific @ RM240	Pulangan Tunai 20% kerana peserta memenuhi Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 4
2		RM150,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 2)	RM1,000	N/A	Tiada Pulangan Tunai kerana peserta tidak memenuhi Kriteria Kelayakan 1 (tidak membuat Transaksi Penerbangan Layak)

**Peserta Layak B**

Suku Kempten	<i>Kriteria Kelayakan 1</i>	<i>Kriteria Kelayakan 2</i>		Pulangan Tunai	Catatan
	Transaksi Penerbangan Layak	Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i	Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul Suku Tahunan		
1	RM1,200 (Emirates)	RM260,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 1)	RM1,000	50% Pulangan Tunai pada transaksi Emirates @ RM600	Pulangan Tunai 50% kerana peserta memenuhi Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 1
2	RM1,000 (Malaysia Airlines)	RM10,000	RM40,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 2)	40% Pulangan Tunai pada transaksi Malaysia Airlines @ RM400	Pulangan Tunai 40% kerana peserta memenuhi Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 2

--	--	--	--	--	--

### **Peserta Layak C**

Suku Kempen	<i>Kriteria Kelayakan 1</i>	<i>Kriteria Kelayakan 2</i>		Pulangan Tunai	Catatan
	Transaksi Penerbangan Layak	Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i	Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul Suku Tahunan		
1	RM3,000 (Singapore Airlines)	RM50,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 4)	RM60,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan 2 - Peringkat 1)	50% Pulangan Tunai pada transaksi Singapore Airlines @ RM1,500	Pulangan Tunai 50% bagi kerana peserta memenuhi Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2 Peringkat 1 kerana memenuhi Transaksi Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul
2	RM1,000 (Qatar Airways)	RM10,000	RM1,000	N/A	Tiada Pulangan Tunai kerana peserta tidak Memenuhi mana-mana Peringkat Kriteria Kelayakan 2

9. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan Asing Layak bagi tujuan memenuhi Kriteria Kelayakan 2 :
- i) Transaksi dalam mata wang tempatan (RM);
  - ii) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
  - iii) Transaksi Quasi Tunai – (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau permainan);
  - iv) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai; dan
  - v) Transaksi Penerbangan Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Apa-apa penentuan oleh CIMB sebagai apa Transaksi Perbelanjaan Asing Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuai yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

10. Sekiranya Peserta Yang Layak mempunyai pelbagai Kad Kredit Yang Layak, semua Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak yang dibuat menggunakan semua Kad Kredit Yang Layak pada akaun yang sama, termasuk kad tambahan, akan digabungkan dan diambil kira sebagai memenuhi Kriteria Kelayakan dan Syarat Kempen. Bagi pemegang akaun bersama baharu dan sedia ada bagi CASA/-i yang dikendalikan oleh CIMB, hanya pemegang nama pertama iaitu pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini.

- 11.
12. Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak akan dipantau secara automatik oleh CIMB untuk tujuan pemberian Pulangan Tunai. Pemantauan Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) yang direkodkan oleh CIMB sepanjang Tempoh Kempen.
13. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan dan/atau kesilapan atau kegagalan dalam penghantaran Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak ke akaun Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak disebabkan oleh apa jua sebab yang ditimbulkan kerana kelewatan pada pihak peniaga melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian sengaja dan keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak dan/atau pengeposan Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak kepada Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak oleh Visa, Mastercard, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama berlaku akibat kecuaiian melampau atau keingkaran CIMB.

#### Pulangan Tunai dan Proses Kriteria Pemenuhan

14. Jumlah keseluruhan Pulangan Tunai yang diperuntukkan untuk Kempen ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) sahaja. Dana Pulangan Tunai Suku Tahunan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000) diperuntukkan bagi setiap Suku Kempen seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Pulangan Tunai akan diberikan kepada Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan berdasarkan kriteria di bawah. Setelah Dana Pulangan Tunai Suku Tahunan habis diagihkan, Peserta Yang Layak tidak lagi berhak menerima Pulangan Tunai bagi Suku Kempen tersebut walaupun mereka memenuhi semua Kriteria Kelayakan dan Syarat Kempen.

	<b>Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i</b>	<b>Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul Suku Tahunan</b>
<b>Dana Pulangan Tunai</b>	RM250,000 bagi setiap Suku Kempen RM500,000 sepanjang Tempoh Kempen	RM250,000 bagi setiap Suku Kempen RM500,000 sepanjang Tempoh Kempen
<b>Pengagihan Pulangan Tunai Suku Tahunan</b>	Pulangan Tunai Suku Tahunan akan diberikan kepada Peserta Yang Layak yang memenuhi <b>Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2</b> , mengikut <b>susunan menurun</b> berdasarkan <b>Baki Purata Suku tertinggi</b> dalam Suku Kempen tersebut sehingga <b>Dana Pulangan Tunai Suku Tahunan</b> habis diagihkan.	Pulangan Tunai Suku Tahunan akan diberikan kepada Peserta Yang Layak yang memenuhi <b>Kriteria Kelayakan 1 dan Kriteria Kelayakan 2</b> , mengikut <b>susunan menurun</b> berdasarkan <b>Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul tertinggi</b> dalam Suku Kempen tersebut sehingga <b>Dana Pulangan Tunai Suku Tahunan</b> habis diagihkan.

	Pulangan Tunai diberikan mengikut <b>Peringkat Kriteria Kelayakan 2</b> yang dicapai oleh Peserta Yang Layak bagi Suku Kempen tersebut.	Pulangan Tunai diberikan mengikut <b>Peringkat Kriteria Kelayakan 2</b> yang dicapai oleh Peserta Yang Layak bagi Suku Kempen tersebut.
--	---	---

15. CIMB akan membuat penentuan akhir mengenai pengiraan dan jumlah Pulangan Tunai yang akan dianggap betul kecuali terdapat ralat yang jelas. Peserta yang layak boleh menghubungi CIMB jika mereka percaya bahawa ralat tersebut telah berlaku. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar kepada hadiah lain atau hadiah dengan nilai yang sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
16. Tertakluk kepada Klausula 13 Terma-terma dan Syarat-syarat ini, jumlah keseluruhan Pulangan Tunai Suku yang diperoleh bagi setiap Suku Kempen akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit Yang Layak (utama) milik Peserta Yang Layak dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh tamat Suku Kempen berkenaan ("Tempoh Pemenuhan Suku Tahunan"). Peserta Yang Layak mesti memaklumkan CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu daripada setiap Tempoh Pemenuhan Suku Tahunan ("Tempoh Spesifik") sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan. Sekiranya Peserta Yang Layak tidak memaklumkan CIMB dalam Tempoh Spesifik, Pulangan Tunai tersebut akan dianggap telah berjaya dikreditkan.
17. Hanya Peserta Yang Layak yang adalah pemegang kad utama layak menerima Pulangan Tunai yang diganjar di bawah Kempen ini.
18. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai oleh Peserta Yang Layak, akaun Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak TIDAK BOLEH berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai.
19. Peserta Yang Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS bahawa Pulangan Tunai telah dikreditkan ke dalam Kad Kredit Yang Layak miliknya. Jumlah Pulangan Tunai juga akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya iaitu selepas pengkreditan Pulangan Tunai.
20. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor mudah alih milik Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
21. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit CIMB melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
22. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah

tanggungjawab setiap Peserta Yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

### Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

23. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
  - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai Muktamad yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif tertakluk kepada sebarang ralat nyata serta hak Peserta Yang Layak untuk mendapatkan penjelasan atau penyelesaian melalui saluran aduan dan penyelesaian pertikaian CIMB yang sedia ada, termasuk rujukan kepada pihak berkuasa berkaitan jika berkenaan; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
    - (v) apa-apa faktor dalam keadaan di luar jangkauan munasabah CIMB.

melainkan kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik atau apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

24. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai Muktamad jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai Muktamad dikreditkan:
- a) Peserta Yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
  - b) Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
  - c) Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB.

25. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
  - b) bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

dan CIMB akan memaklumkan kepada Peserta Yang Layak mengenai pelucutan kelayakan tersebut. Jika CIMB berbuat demikian tanpa notis terlebih dahulu, ia adalah dalam keadaan di mana terdapat alasan yang kukuh, sebagai contoh bagi mencegah pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan.

CIMB memiliki hak untuk memperpanjang, memendekkan, mengakhiri, atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari calendar kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) Notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) Melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB pilih.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai Muktamad dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

26. CIMB hanya akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan sekiranya kerugian atau kerosakan tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja oleh CIMB. Walau apa pun yang bertentangan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang layak dalam Kempen; dan/atau
  - b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS dan/atau WhatsApp oleh Peserta Yang Layak
- melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.

27. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari calendar kepada Peserta Yang Layak melalui bagi memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem atau sebagai akibat daripada perubahan undang-undang dan peraturan atau atas sebab-sebab lain yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notis tersebut. Jika Peserta Yang Layak tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut, maka mereka tidak seharusnya menyertai Kempen ini. Notis tersebut akan diberikan oleh CIMB:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
  - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
  - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
  - (iv) atau melalui apa-apa kaedah munasabah 28notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.

- c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
  - d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
29. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan (termasuk sebarang cukai jualan dan perkhidmatan atau apa-apa cukai lain berdasarkan kadar cukai semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia), kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
  - b) Peserta Yang Layak menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai Muktamad; dan/atau
  - c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
- melainkan disebabkan oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
30. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
31. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.
32. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
33. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Yang Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak

34. Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:  
Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
34. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan munasabah lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- a) Peserta Yang Layak menjamin dan berikrar bahawa mereka tidak akan terlibat dalam apa-apa bentuk rasuah, penyuapan atau pemberian atau penerimaan sebarang manfaat, gratifikasi, hadiah, komisen, kelebihan kewangan atau apa-apa kelebihan/pertimbangan lain sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa tindakan yang berkaitan atau bertujuan mempengaruhi keputusan secara tidak wajar berhubung Kempen ini.
  - b) Jika Peserta Yang Layak mengetahui atau menjadi sedar tentang sebarang tawaran atau pemberian manfaat, gratifikasi, hadiah, komisen atau pertimbangan oleh mana-mana kakitangan, pegawai atau pengarah CIMB, Peserta Yang Layak/Pelanggan boleh melaporkannya selaras dengan Polisi Pendedahan Maklumat (Whistle Blowing Policy) CIMB seperti yang dinyatakan di <https://www.cimb.com/en/who-we-are/overview/corporate-governance/code-of-conduct/whistle-blowing.html>.
  - c) Pelanggaran terhadap klausa ini boleh dianggap oleh CIMB sebagai satu pelanggaran material dan CIMB boleh, mengikut budi bicara munasabahnya, melucutkan kelayakan Peserta Yang Layak daripada menyertai Kempen dan/atau melucutkan Pulangan Tunai tersebut.
35. CIMB CASA/i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) setakat Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit..